

KENYATAAN MEDIA

E-REBAT BERNILAI RM50 JUTA UNTUK PEMBELIAN PERALATAN ELEKTRIK CEKAP TENAGA BERMULA 10 DISEMBER 2023

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) telah melancarkan Program *Sustainability Achieved Via Energy Efficiency* (SAVE) 4.0 pada hari ini.

Program ini dikelolakan oleh Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia sebagai agensi pelaksana.

SEDA menyediakan pemberian e-rebat sehingga RM400 kepada pengguna untuk pembelian penyaman udara dan peti sejuk cekap tenaga berlabel 4 atau 5 bintang yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga.

Pelaksanaan Program SAVE 4.0 bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai pengguna elektrik mempraktikkan amalan cekap tenaga sekaligus menyumbang kepada penjimatan penggunaan tenaga dan bil elektrik.

Berdasarkan pelaksanaan edisi terdahulu program SAVE, jumlah penjimatan tenaga yang diperoleh adalah sebanyak 324 Gigawatt jam (GWj) iaitu bersamaan dengan penjimatan kos tenaga setahun sebanyak RM129.4 juta dan 281,000 tan CO₂ setahun.

Program SAVE 4.0 dibiayai oleh Dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM50 juta.

Rebat adalah terhad kepada satu akaun bil elektrik sahaja bagi setiap pembelian penyaman udara dan peti sejuk, bagi pembelian bermula pada 10 Disember 2023 secara *first come, first serve basis*.

Pengguna boleh memohon dan mendapatkan e-rebat melalui dua (2) kaedah iaitu dengan:

- (i) membawa bil elektrik terkini dan membuat pembelian secara fizikal di kedai-kedai elektrik/pasar raya berdaftar di bawah Program SAVE 4.0; atau
- (ii) memohon e-rebat dan membuat pembelian secara atas talian menerusi platform e-dagang yang diiktiraf.

Warganegara Malaysia yang merupakan pemilik akaun elektrik tarif domestik yang berdaftar dengan syarikat-syarikat utiliti (TNB, SESB, SEB dan NUR Power) layak untuk memohon.

Maklumat lanjut mengenai kriteria kelayakan, cara permohonan e-rebat, mekanisme pelaksanaan, senarai jenama dan model kelengkapan elektrik cekap tenaga serta harga rujukan (*Recommended Purchase Price - RPP*) di bawah Program SAVE 4.0 boleh didapati dengan melayari laman sesawang rasmi di pautan www.saveenergy.gov.my. atau melayari *microsite* yang disediakan di platform e-dagang.

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

10 DISEMBER 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia